



FrieslandCampina 

nourishing by nature

Speak Up procedure

Tatacara '*Speak Up*'



Tatacara 'Speak Up' ini disediakan dalam beberapa bahasa.

Royal FrieslandCampina N.V.
Stationsplein 4, 3818 LE Amersfoort
The Netherlands
T +31 33 713 3333

www.frieslandcampina.com

Kata-kata aluan

“*Nourishing by nature*” bermaksud peruntukan nutrisi yang lebih baik untuk seluruh warga dunia dan menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik untuk para peladang kami pada masa kini dan untuk generasi yang akan datang. Sekiranya hasrat ini dapat dicapai bersama-sama, sudah pasti kita boleh menjadikan FrieslandCampina suatu organisasi yang pantas membangun dan berkembang maju.

Kami ingin merealisasikannya dengan cara yang betul. Kami menggelarkannya ‘keusahawanan secara bertanggungjawab’ (atau dalam Bahasa Inggeris “*responsible entrepreneurship*”). Kami patuh dalam menjalankan perniagaan kami menurut nilai-nilai yang dibentangkan di dalam kod tatalaku kami, yang kami namakan *Compass*. Nilai-nilai tersebut berhubung kait dengan kelakuan secara berintegriti, dengan rasa hormat dan secara telus. Kejayaan dan reputasi kami bergantung kepada tingkah laku seharian setiap kakitangan kami. Mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan kami adalah sangat penting.

Dalam menjalankan tugas, kami semua mungkin akan berhadapan dengan halangan, pilihan yang sukar dan dilema kerja. Di saat seperti ini, *Compass* harus dijadikan sebagai rujukan dan panduan untuk pengendalian perniagaan yang baik.

Kakitangan adalah digalakkan untuk mengutarakan sebarang kebimbangan akan percanggahan (yang disyaki) berkaitan *Compass*, dengan bersuara dan membangkitkan kebimbangan itu. Kami memahami bahawa ianya memerlukan sifat berani untuk bersuara. Oleh itu kami ingin memupuk satu budaya dalam organisasi ini supaya tidak bimbang akan hukuman atau layanan yang tidak adil sekiranya anda menyuarakan kebimbangan tersebut. Jika anda bimbang bahawa terdapat sesuatu yang salah atau merbahaya yang sedang berlaku di tempat kerja, sila jangan mendiamkan diri.

Tatacara '*Speak Up*' ini dapat memberikan anda garis panduan bagaimana anda boleh mengutarakan kebimbangan anda.

Bantu kami untuk mengekalkan FrieslandCampina sebagai tempat kerja yang hebat dengan bersuara dan mengutarakan sebarang kebimbangan yang anda hadapi. Kami amat menghargainya.

Sekiranya anda ingin menjadi sebahagian daripada pasukan kami, ikutilah *Compass* dan '*Speak Up*'!

Roelof Joosten
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Eksekutif Royal FrieslandCampina N.V.

Isi kandungan

Tatacara 'speak up': kenapa, siapa, apa, bila dan bagaimana	7
1 KENAPA anda digalakkan untuk 'Speak Up?'	7
2 SIAPA boleh menggunakan tatacara 'Speak Up?'	7
3 APA isu yang boleh bangkitkan?	9
4 BILA DAN BAGAIMANA untuk 'Speak Up?'	9
Apa yang akan berlaku selepas kebimbangan anda diutarakan?	10
5 Kami semak sekiranya kebimbangan anda terkandung dalam <i>Compass</i>	10
6 Jika ya, kami akan siasat kebimbangan anda	11
7 Jika perlu, tertuduh akan dimaklumkan	11
8 Anda akan menerima status terkini tentang siasatan yang dibuat	11
9 Jika kebimbangan anda adalah wajar, langkah-langkah akan diambil	11
10 Anda akan dimaklumkan tentang pengadilan	12
11 Jika anda tidak berpuas hati dengan pengadilan	12
12 Jawatankuasa Integriti	12
Bagaimana kami melindungi anda?	15
13 Tiada impak negatif	15
14 Identiti anda akan dilindungi	16
15 Privasi	16
Butiran hubungan dan maklumat lanjut	18
16 Wakil tempatan yang dipercayai	18
17 Pengurus Korporat Tatalaku Perniagaan	18
18 Talian 'Speak Up' dan Perkhidmatan Web	18
19 Intranet	18
Pindaan tatacara 'Speak Up', situasi luar jangkaan dan konflik undang-undang mandatori	19
Isi-isi penting	20
Lampiran - format laporan <i>Speak Up</i> untuk mengutarakan kebimbangan anda dengan wakil tempatan yang dipercayai atau pengurus korporat tatalaku perniagaan	20



Tatacara 'Speak Up': kenapa, siapa, apa, bila dan bagaimana?

1. **KENAPA** anda digalakkan untuk 'Speak Up'?

Kami ingin menjalankan perniagaan dengan cara yang betul dan penuh tanggungjawab. Ini termasuk mewujudkan budaya keterbukaan (*a culture of openness*) di mana kita semua membantu membawa organisasi kami ke tahap integriti yang lebih tinggi. Ini merupakan satu budaya di mana kakitangan berasa selesa untuk bertanya dan mengutarakan kebimbangan berkaitan dengan *Compass*.

Apabila anda memaklumkan kepada kami kebimbangan anda berkaitan tingkah laku yang tidak selari dengan *Compass*, anda membantu kami mengambil tindakan sewajarnya dan memperbaiki situasi tersebut sebelum terlewat. Dalam mengutarakan kebimbangan anda, anda membantu kami dalam memperbaiki keadaan. Jika anda berdiam diri, ini mungkin akan memburukkan keadaan. (Akan tetapi, jika ia berkaitan keadaan kecemasan seperti kebakaran atau isu keselamatan, sila gunakan prosedur kecemasan tempatan).

2. **SIAPA** boleh menggunakan tatacara 'Speak Up'?

Semua kakitangan dan pemegang berkepentingan kami adalah digalakkan untuk mengutarakan kebimbangan mereka. Pemegang kepentingan tersebut perlu mempunyai kepentingan perniagaan yang sah dalam membuat laporan. Matlamat utama dalam situasi ini adalah untuk memperbaiki pengendalian organisasi dalam menjalankan perniagaan dengan betul, dengan penuh tanggungjawab.

SITUASI:

Jika anda ada soalan atau kerisauan berkaitan dengan *Compass*:

Jika dalam situasi: ---
yang boleh (atau mungkin) membahayakan kesihatan atau keselamatan umum atau produk; atau
di mana anda atau pihak lain boleh dipenjarakan

ANDA DIGALAKKAN UNTUK BERSUARA

ANDA PERLU BERSUARA

sila bincang secara terbuka dengan penyelia anda

atau hubungi: ---
Wakil Tempatan yang Dipercayai; atau ---
Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat; atau ---
Talian 'Speak Up' atau perkhidmatan web (sedia ada pada setiap masa)

Sila rujuk ke Mukasurat 18 untuk butiran hubungan

sila lapor kepada: ---
Wakil Tempatan yang Dipercayai; atau ---
Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat; atau ---
'Speak Up Phone' atau perkhidmatan web (sedia ada pada setiap masa)

Sila rujuk ke Mukasurat 18 untuk butiran hubungan

3. APA isu yang anda boleh utarakan?

Jika anda berpendapat bahawa isu anda tidak selari dengan nilai-nilai organisasi atau *Compass*, anda boleh mengutarakan kebimbangan anda sekiranya munasabah. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau isu berkenaan dengan tempat kerja anda atau tentang ulasan prestasi anda atau sekiranya anda mempunyai rungutan peribadi, tatacara '*Speak Up*' ini tidak boleh digunakan. Sila hubungi pegawai Sumber Manusia tempatan untuk cara-cara alternatif bagi menangani kebimbangan tersebut. Sekiranya kebimbangan yang telah diutarakan sedang dalam siasatan ataupun telah disiasat, siasatan tidak akan dibuat semula dan anda akan dimaklumkan berkenaan perkara tersebut.

4. BILA DAN BAGAIMANA untuk '*Speak Up*'?

Terdapat dua saluran untuk membuat laporan. Saluran yang digunakan bergantung kepada situasi yang berkenaan. Dalam sesetengah situasi, kami **galakkan** anda untuk bersuara, di dalam situasi-situasi lain anda **perlu** bersuara (sila rujuk pada gambarajah).

Jika anda memilih untuk mengutarakan kebimbangan melalui Wakil Tempatan yang Dipercayai atau Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat, anda boleh menggunakan format yang dilampirkan di Lampiran untuk tatacara '*Speak Up*' ini.



Apa yang berlaku selepas kebimbangan anda diutarakan?

5. Kami akan semak sekiranya kebimbangan anda terkandung dalam *Compass*

Wakil Tempatan anda yang Dipercayai atau Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat akan memaklumkan penerimaan laporan anda secara bertulis (contohnya: melalui e-mel atau surat biasa) dalam tempoh 10 hari bekerja.

Jika anda menghubungi Talian luaran '*Speak Up*' atau perkhidmatan *web*, anda akan diberi nombor kes yang unik, yang boleh digunakan untuk menyemak status aduan anda dan/atau memberi maklumat tambahan. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh '*People In Touch*', satu organisasi bebas. Ia membenarkan anda membuat laporan dalam bahasa ibunda anda. Anda boleh memilih untuk tidak memperkenalkan diri anda. Aduan anda akan dihantar kepada Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat.

Wakil Tempatan yang Dipercayai atau Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat kami akan menyemak setiap kes yang dilaporkan dan menentukan samada:

- ia merupakan kesangsiang yang berpatutan tentang percanggahan *Compass*; atau
- tatacara lain sepatutnya digunapakai (lihat perenggan 3).

Dalam tempoh 3 minggu selepas penerimaan laporan anda, Jawatankuasa Integriti akan menentukan samada kes yang dilaporkan memerlukan siasatan lanjut atau sebaliknya dan anda akan dimaklumkan tentang keputusan ini.

6. Jika ya, kami akan siasat kebimbangan anda

Kes-kes yang didapati layak akan disiasat dengan selanjutnya dan diuruskan oleh atau di atas arahan Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat kami dibawah penyeliaan **Jawatankuasa Integriti** (lihat perenggan 12).

7. Jika perlu, tertuduh akan dimaklumkan

Sekiranya anda menyuarakan kebimbangan mengenai orang tertentu, pekerja itu akan dimaklumkan secepat mungkin tentang percanggahan peraturan yang disyaki melainkan ia dijangka akan mengganggu siasatan dan penguatkuasaan FrieslandCampina dalam prosiding perundangan. Sekiranya orang yang terlibat tidak dapat dimaklumkan dengan segera atau sepenuhnya, dia akan dimaklumkan (selanjutnya) sebaik sahaja ia dibenarkan oleh prosiding siasatan. Sekiranya perlu, orang yang terlibat ini akan ditemuramah untuk membolehkan mereka memberikan pandangan berkenaan fakta yang akan dibentangkan dalam laporan akhir siasatan tersebut.

8. Anda akan menerima status terkini mengenai siasatan

Dalam tempoh lapan minggu dari tarikh kebimbangan anda diutarakan, Wakil Tempatan anda yang Dipercayai atau Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat kami akan memaklumkan anda dalam bentuk bertulis (sebagai contoh melalui e-mel atau surat biasa) tentang status siasatan yang dikendalikan. Jika maklumat tersebut tidak dapat disediakan dalam tempoh lapan minggu, anda akan dimaklumkan tentang tarikh baru yang akan anda terima untuk mengetahui status siasatan tersebut.

9. Jika kebimbangan anda didapati wajar, langkah-langkah akan diambil

Jawatankuasa Integriti menerima hasil siasatan dan menentukan perkara yang dilaporkan. Jika aduan yang dilaporkan didapati berasas bukti samada sebahagian ataupun sepenuhnya (sebagai contoh, tingkah laku salah telah benar berlaku), pihak Jawatankuasa Integriti akan mengeluarkan arahan kepada pihak pengurusan yang sesuai tentang langkah-langkah untuk diambil. Langkah-langkah ini termasuk tindakan disiplin ke atas pihak-pihak tertentu dan/atau langkah-langkah yang patut diambil oleh organisasi untuk mengelakkan kejadian tersebut daripada berulang kembali. Jawatankuasa Integriti akan turut memantau pelaksanaan langkah-langkah tersebut. Jika organisasi merasakan bahawa arahan tersebut patut diubah, perubahan itu mestilah mendapat persetujuan daripada Lembaga Eksekutif Royal FrieslandCampina

N.V.. Perubahan arahan yang ditujukan kepada Lembaga Eksekutif haruslah mendapat kebenaran daripada Lembaga Penyeliaan Royal FrieslandCampina N.V.

10. Anda akan dimaklumkan tentang pengadilan

Akhir sekali, Wakil Tempatan anda yang Dipercayai ataupun Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat akan memaklumkan kepada anda akan pengadilan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Integriti. Akan tetapi, butiran terperinci tidak akan didedahkan untuk menjaga privasi dan kedudukan perundangan pihak-pihak yang terlibat.

11. Jika anda tidak berpuas hati dengan pengadilan

Jika, selepas pertimbangan yang teliti telah dibuat, anda merasakan bahawa

- a. kebimbangan anda tidak dikendalikan secara profesional atau
 - b. siasatan tidak dijalankan dengan betul,
- sila maklumkan Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat akan perasaan anda. Ini mungkin membantu memperbaiki tatacara '*Speak Up*' ini.

12. Jawatankuasa Integriti

Jawatankuasa Integriti dipengerusikan oleh seorang ahli Lembaga Eksekutif kami dan terdiri daripada (i) Penasihat Perundangan Kanan & Setiausaha Syarikat; (ii) Pengarah Korporat Audit Dalam; (iii) Pengarah Korporat Hal Ehwal Umum dan Kualiti dan (iv) Pengarah Korporat Sumber Manusia. Lembaga Eksekutif diberi kuasa untuk melantik satu atau lebih ahli tambahan dan/atau menggantikan ahli-ahli Jawatankuasa Integriti. Selain itu, Jawatankuasa boleh menubuhkan satu atau lebih jawatankuasa kecil yang akan diberikan tugas tertentu. Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat akan bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Integriti.

Peranan dan tugas Jawatankuasa Integriti adalah untuk:

- memantau pelaksanaan dan kepatuhan kepada *Compass* dan tatacara '*Speak Up*' ini;
- menyiasat kemungkinan ketidakpatuhan kepada *Compass* dan mengambil tindakan pembetulan dengan segera;
- membuat pertimbangan terhadap aduan yang dilaporkan dan memberi arahan tentang langkah-langkah yang patut diambil;
- menyemak keputusan-keputusan yang dibuat dibawah prosedur '*Speak Up*' ini secara berkala;

- mengikuti trend dan perkembangan-perkembangan semasa berkenaan tatacara urusniaga secara umum; dan
- memantau pelaksanaan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Eksekutif, Lembaga Penyeliaan, lembaga pengurusan syarikat operasi / kumpulan perniagaan atau Jawatankuasa Integriti berkenaan dengan *Compass* dan tatacara '*Speak Up*' ini.

Jawatankuasa Integriti turut mempunyai tugas dan kuasa seperti yang diperuntukkan di dalam tatacara '*Speak Up*' ini. Lembaga Eksekutif boleh memperuntukkan tugas dan kuasa tambahan kepada Jawatankuasa Integriti.

Dengan rundingan bersama Jawatankuasa Integriti, Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat boleh melantik satu atau lebih penyiasat dan diberi kuasa untuk mengarahkan pihak lain untuk mengambil langkah-langkah sementara jika perlu. Sebagai contohnya, memastikan bukti-bukti fizikal atau maklumat digital dijaga dengan rapi. Semua kakitangan dikehendaki untuk memberi kerjasama penuh dan secara segera dalam siasatan yang dijalankan dan memberi jawapan secara jujur dan lengkap. Demi kepentingan siasatan, semua kakitangan tidak dibenarkan untuk berbincang tentang siasatan tersebut kepada sesiapa, meskipun dengan penyelia masing-masing.

Setiap tahun:

- Wakil Tempatan yang Dipercayai dan Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat akan melaporkan prestasi tugas dan tanggungjawab mereka kepada Jawatankuasa Integriti;
- Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat akan membentangkan analisa semua laporan yang diterima dan prestasi tugas dan tanggungjawab beliau kepada Lembaga Eksekutif dan Jawatankuasa Audit Lembaga Penyeliaan;
- Aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Integriti akan dinilai oleh Lembaga Eksekutif dan Jawatankuasa Audit Lembaga Penyeliaan.

Sekiranya terdapat ahli Jawatankuasa Integriti yang terlibat secara peribadi di dalam laporan yang diutarakan, perkara tersebut akan dirujuk oleh Jawatankuasa Integriti kepada Lembaga Eksekutif untuk pengurusan dan siasatan selanjutnya. Prosedur yang dijelaskan di dalam tatacara '*Speak Up*' ini akan digunapakai secara menyeluruh. Ahli Jawatankuasa Integriti wajib mendedahkan sebarang penglibatan secara peribadi mereka dalam laporan yang diutarakan dengan segera.

Sekiranya terdapat ahli Lembaga Eksekutif yang terlibat secara peribadi di dalam laporan yang diutarakan, perkara yang dinyatakan di atas akan digunapakai, kecuali laporan tersebut akan diurus dan disiasat oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Penyeliaan. Jawatankuasa Audit akan menasihati Lembaga Penyeliaan yang akan mengeluarkan arahan yang tidak boleh diingkari secara langsung.



Bagaimana kami boleh melindungi anda?

13. Tiada impak negatif

FrieslandCampina tidak akan mengambil tindakan negatif apabila anda mengutarakan kebimbangan anda dengan niat baik. Tiada tindakan balas akan dikenakan dan kos-kos terlibat yang berpatutan akan dibayar semula (atas budi bicara Jawatankuasa Integriti). Anda tidak akan dianiayai. Jika anda terasa seperti dihukum atau tidak dilayan secara adil, sila maklumkan kepada kami melalui penyelia anda, Wakil Tempatan yang Dipercayai, Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat, Talian '*Speak Up*' atau Perkhidmatan Web. Dalam situasi ini, pihak pengurusan organisasi tempatan akan diarahkan oleh Jawatankuasa Integriti untuk memastikan langkah-langkah disiplin diambil terhadap orang yang berkenaan.

Apakah yang dimaksudkan dengan ungkapan **niat baik**? Ia bermaksud bahawa seseorang yang berada dalam keadaan yang sama akan percaya secara wajar atau mengesyaki bahawa terdapat percanggahan dengan prinsip *Compass*. Dalam situasi sedemikian, ia menjadi munasabah untuk mengutarakan kebimbangan tersebut. Jika selepas siasatan dibuat dan tiada percanggahan ditemui, tiada tindakan akan diambil terhadap anda sekiranya kebimbangan itu diutarakan dengan niat baik.

Keadaan sebaliknya adalah jika laporan dibuat dengan unsur **niat jahat**. Dalam keadaan ini, anda tahu bahawa laporan anda dibuat secara tidak jujur. Anda akan dikira telah melanggar tatacara membuat laporan demi rungutan peribadi anda. Begitu juga jika laporan dibuat demi kepentingan peribadi anda semata-mata. FrieslandCampina tidak akan membenarkan laporan-laporan yang dibuat berunsurkan niat yang jahat. Sekiranya laporan dibuat berunsurkan niat jahat, tindakan disiplin boleh diambil keatas pelapor, termasuk pemberhentian kerja. Anda juga mungkin dikehendaki untuk membayar pampasan.

14. Identiti anda akan dilindungi

Semua aduan akan diuruskan secara sulit. Nama anda hanya akan diketahui oleh orang yang menerima laporan kebimbangan anda dan penyiasat yang dilantik. Bantu kami lindungi identiti anda dengan dengan sikap berhati-hati dan anda ditegah untuk membincangkan kebimbangan anda atau perihal siasatan yang sedang dijalankan dengan rakan sekerja anda.

Jika anda membuat laporan sendiri, anda mendedahkan identiti anda kepada penerima laporan tersebut. Jika anda berhasrat untuk langsung tidak dikenali, anda boleh menghubungi Talian hubungan luar '*Speak Up*' atau melalui perkhidmatan *Web*. Anonimiti dibenarkan di negara-negara tertentu dari segi undang-undang. Ini juga bergantung kepada sifat aduan anda.

Wakil Tempatan yang Dipercayai dan Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat tidak dibenarkan untuk mendedahkan identiti anda kepada orang lain tanpa izin anda. Pengecualian hanya dibenarkan sekiranya:

- Ia dikehendaki menurut undang-undang;
- Jika laporan dibuat berunsurkan niat jahat, atau
- Jika ianya adalah mustahak untuk kepentingan awam (dalam keadaan ini, anda akan dimaklumkan).

Adakalanya, membiarkan identiti anda dirahsiakan mungkin boleh menghalang atau menyukarkan siasatan yang dibuat. Adakalanya, ia boleh menghalang daripada tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil. Dalam keadaan sedemikian, anda akan diminta untuk mendedahkan identiti anda. Pendedahan ini hanya akan dilakukan setelah izin anda diberikan kepada mereka yang perlu tahu berkenaan identiti anda.

15. Privasi

FrieslandCampina memproses data peribadi menurut Kod Privasi FrieslandCampina. Mana-mana data peribadi yang diperolehi menurut tatacara ini hanya akan digunakan untuk tujuan yang telah dijelaskan di sini. Data tersebut hanya akan didedahkan hanya kepada mereka yang perlu tahu, menurut undang-undang atau apabila ia mustahak untuk kepentingan awam. FrieslandCampina bertanggungjawab untuk memproses data peribadi menurut tatacara '*Speak Up*' ini. Pihak yang menguruskan Talian '*Speak Up*' dan Perkhidmatan *Web* hanya berhak memproses data peribadi yang dikumpulkan sebagaimana yang diarahkan oleh FrieslandCampina.

Bagi individu yang data peribadinya diproses dibawah tatacara '*Speak Up*' ini, mereka boleh pada bila-bila masa dan sejajar dengan Kod Privasi membuat permintaan daripada FrieslandCampina untuk laporan lengkap bertulis berkenaan data peribadi yang sedia ada tentang dirinya melainkan jika ia akan mengganggu siasatan, ia akan memberi kesan terhadap penguatkuasaan prosiding perundangan dan ke tahap data yang diproses itu relevan dan perlu untuk tujuan sedemikian.

Jika data yang dikumpulkan terbukti adalah salah atau tidak relevan, individu yang terlibat boleh meminta untuk memperbetulkan atau membatalkan data tersebut. Maklum balas untuk permintaan akses, pembetulan atau pembatalan tersebut akan dilakukan secepat yang mungkin dalam tempoh 4 minggu. Sebarang penolakan terhadap permintaan ini akan dibuat secara bertulis (contohnya melalui e-mel atau surat biasa) dan akan disokong dengan alasan-alasan sedemikian.

Butiran hubungan dan maklumat lanjut

16. Wakil Tempatan yang Dipercayai

Setiap syarikat yang beroperasi, kumpulan perniagaan dan Pusat Korporat telah melantik individu-individu tertentu di mana mereka boleh menjadi rujukan para kakitangan untuk membincangkan sebarang kebimbangan berkenaan *Compass*. Wakil Tempatan yang Dipercayai tidak akan dilucutkan jawatan mereka sebagai hukuman tindak balas kerana menjalankan tugas mereka dalam mengendalikan kebimbangan yang diutarakan.

Jika anda memerlukan bantuan untuk mencari Wakil Tempatan yang Dipercayai, sila hubungi Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat. Sila rujuk laman perkongsian Tatalaku Perniagaan di Intranet kami untuk senarai Wakil Tempatan yang Dipercayai.

17. Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat:

→ T: +31 33 713 2509

→ businessconduct@frieslandcampina.com

18. Talian 'Speak Up' dan Perkhidmatan Web

Sila rujuk laman perkongsian Intranet bagi Tatalaku Perniagaan untuk maklumat lanjut.

19. Perkongsian

Sila rujuk laman perkongsian Intranet bagi Tatalaku Perniagaan untuk maklumat lanjut.

Pindaan tatacara '*Speak Up*', situasi luar jangkaan dan konflik dengan undang- undang mandatori

Tatacara '*Speak Up*' ini telah digunapakai oleh Lembaga Eksekutif Royal FrieslandCampina N.V. pada 20 Mei 2015 dan berkuatkuasa bermula pada 1 Januari 2016. Tatacara "*Speak Up*" ini menggantikan Peraturan-peraturan Pemberian Maklumat yang digunapakai oleh Lembaga Eksekutif pada April 2010 dan rumusannya yang dipanggil Tatacara Pemberian Maklumat.

Tatacara '*Speak Up*' ini boleh dipinda dan ditambah dengan keputusan Lembaga Eksekutif Royal FrieslandCampina N.V. Lembaga Eksekutif berkuasa untuk membuat keputusan dalam keadaan-keadaan yang tidak dijangka oleh Tatacara '*Speak Up*' ini.

Sekiranya timbul percanggahan di antara peruntukan-peruntukan Tatacara '*Speak Up*' ini dengan undang-undang mandatori yang tercatat dari masa ke semasa, maka undang-undang mandatori akan digunakan.

Isi-isi penting

Jika anda merasa curiga

Kadangkala, satu situasi mungkin kelihatan kurang jelas samada ianya bercanggah dengan *Compass*. Dalam keadaan sedemikian, anda digalakkan untuk mengutarakan kebimbangan daripada berdiam diri.

Jika anda mengesyaki akan kemungkinan percanggahan

Jika anda tidak selesa untuk menyuarkan kemungkinan berlaku percanggahan, berikut ada tip-tip:

- Suarakan dengan segera akan kebimbangan anda, kami pasti akan mendengar.
- Bantu kami dengan cadangan penambahbaikan terhadap perkara tersebut.

Jika anda tidak mempunyai semua fakta

Sila utarakan kebimbangan anda walaupun tidak semua fakta berada di dalam tangan. Ingatlah bahawa matlamat yang ingin dicapai adalah untuk meningkatkan kedudukan dan prestasi organisasi kita dan untuk memastikan bahawa *Compass* akan diikuti. Jangan mula mengumpul bukti anda sendiri tetapi serahkan ia kepada penyiasat-penyiasat yang berpengalaman, melainkan Jawatankuasa Integriti meminta anda berbuat sedemikian.

Jika anda menyedari akan

Apa-apa situasi atau tingkah laku yang:

- boleh membahayakan kesihatan atau keselamatan mana-mana individu atau produk; atau
- kelihatan seperti satu percanggahan undang-undang di mana seseorang individu boleh dipenjarakan (sebagai contoh penipuan, mencuri, rasuah, tingkah laku anti-monopoli dan yang seumpamanya), anda **harus** laporkannya. Anda tidak dibenarkan berdiam diri kerana kesannya mungkin lebih serius daripada dijangkakan.

Jika anda memutuskan untuk mengutarakan kebimbangan

Sila berikan maklumat selengkap yang mungkin bagi membolehkan penerima laporan mempertimbangkan hal tersebut. Sebagai contohnya, apa yang anda lihat, latar belakang, sebab kerisauan anda, nama, tarikh, tempat dan maklumat lain. Contoh laporan sepertimana yang disediakan di dalam lampiran tatacara ini.

Melaporkan kepada pihak luar

Apabila anda bersuara, aduan anda akan duruskan secara profesional. Jika setelah penilaian dan pertimbangan teliti anda merasakan bahawa tatacara yang terpakai atau keputusan diambil oleh Jawatankuasa Integriti bercanggah dengan kepentingan FrieslandCampina atau pemegang kepentingannya, anda boleh mempertimbangkan untuk melaporkannya kepada pihak luar. Pendedahan kepada pihak luar boleh terus dilakukan jika melibatkan kepentingan awam atau diperlukan oleh undang-undang. Cara laporan itu dibuat seharusnya seimbang dengan perihal yang relevan dan tidak sepatutnya digunakan sekiranya terdapat pilihan lain yang kurang memudaratkan. Pelapor haruslah meminimalkan kebarangkalian impak-impak negatif akan tindakannya terhadap FrieslandCampina dan pemegang kepentingannya serta pihak yang terlibat. Pihak luar yang menerima laporan haruslah mampu menguruskan tindakan susulan ke atas dakwaan pelanggaran tersebut.

Sebelum membuat laporan kepada pihak luar, kami menggalakkan anda untuk memaklumkan Wakil Tempatan yang Dipercayai atau Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat atau Talian '*Speak Up*' atau Jawatankuasa Integriti terlebih dahulu akan rancangan untuk membuat laporan maklumat kepada pihak luar.

Tatacara '*Speak Up*' ini tidak menghalang anda daripada melaporkan kemungkinan pelanggaran undang-undang atau peraturan-peraturan kepada pihak berkuasa. Kebenaran tidak diperlukan terlebih dahulu. Walaubagaimanapun, kami galakkan anda untuk mengutarakan kebimbangan anda melalui tatacara '*Speak Up*' ini dan kami berikrar untuk menguruskan laporan anda secara professional dan teliti.

Lampiran

Format laporan '*Speak Up*' untuk mengutarakan kebimbangan kepada Wakil Tempatan yang Dipercayai atau Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat

1. **Adakah anda ingin kekal tidak dikenali dalam FrieslandCampina?**

- ya
- tidak

2. **Maklumat syarikat**

Nama syarikat yang beroperasi /kakitangan jabatan korporat:

.....
Alamat:

.....
Bandar:

.....
Negara:

3. **Maklumat peribadi**

Nama anda:

.....
Nombor telefon pilihan anda:

.....
Alamat e-mel pilihan anda:

.....
Masa terbaik untuk menghubungi anda:

.....
Kaedah terbaik untuk menghubungi anda:

.....
 telefon

.....
 e-mel

.....
 secara peribadi

Penjelasan

Sila ambil perhatian bahawa penerima laporan ini (Wakil Tempatan yang Dipercayai atau Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat) akan mengetahui data peribadi anda. Sekiranya anda tidak bersetuju, sila gunakan Talian Luar 'Speak Up' atau Perkhidmatan Web.

Sila isikan alamat dengan penuh

Sila isikan nama pertama anda dan nama keluarga yang penuh

Anda juga boleh sertakan nombor telefon dan alamat e-mel peribadi

4. Laporan pencanggahan (atau syak akan pencanggahan)

Apakah pencanggahan *Compass* yang anda mahu laporkan?

Adakah anda benar-benar syak atau adakah anda yakin?

benar-benar syak

saya yakin

Bilakah ia berlaku?

.....
.....

Di manakah ia berlaku?

.....
.....

Siapa yang terlibat, pada pandangan anda?

Nama pertama - nama akhir - fungsi tugas

1.

.....
.....

2.

.....
.....

3.

.....
.....

tidak diketahui

Pada pandangan anda, apakah potensi kerosakan (dari segi kewangan atau sebaliknya) kepada organisasi atau pemegang kepentingan yang lain?

.....
.....

Adakah anda fikir ia akan berulang?

tidak

ya

Ini adalah huraian umum. Maklumat lanjut boleh disertakan di bawah soalan 6. Sila isikan lokasi, dokumen atau transaksi yang berkaitan.

Sila isikan nama pertama dan nama keluarga serta dan fungsi-fungsi mereka sebanyak mana yang mungkin.

5. **Tindakan peribadi**

Bagaimana anda menyedari situasi ini?

.....
Sudahkah anda melaporkan situasi ini kepada penyelia anda terlebih dahulu?

tidak, mengapa tidak:

.....
 ya, hasilnya adalah:
.....

Adakah anda tahu jika ada sesiapa lagi yang menyedari situasi ini dan tidak terlibat secara peribadi?

tidak

ya:
.....

Adakah anda mempunyai bukti-bukti fizikal yang boleh diserahkan?

tidak

ya:
.....

6. **Maklumat tambahan**

Sila isikan nama pertama dan nama keluarga yang penuh

Sila jelaskan bukti-bukti fizikal, sebagai contoh, dokumen

Sila kemukakan apa jua maklumat tambahan yang anda ada

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Tandatangan borang ini

Tarikh:

.....

Tempat:

.....

Nama pelapor:

.....

Tandatangan:

.....

Laporan juga boleh dikemukakan kepada:

FrieslandCampina

Perhatian: Pengurus Tatalaku Perniagaan Korporat

Stationsplein 4

3818 LE Amersfoort

The Netherlands

Atau melalui e-mel kepada:

businessconduct@frieslandcampina.com